

30 SEP 2001

Nik Aziz-Perlembagaan

NIK AZIZ MINTA UMNO BAWA ISU PERLEMBAGAAN KE MAHKAMAH

KOTA BAHARU, 30 Sept (Bernama) -- Menteri Besar Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat meminta Umno Kelantan dan Tengku Razaleigh Hamzah membawa isu pindaan Undang-Undang Tubuh Kerajaan Negeri Kelantan ke mahkamah untuk mengetahui pindaan itu sah atau tidak.

Beliau berkata tanggungjawab kerajaan negeri ialah membuat pindaan berkenaan bagi disesuaikan dengan pindaan yang serupa dibuat pada peringkat pusat oleh kerajaan persekutuan pada 1983.

"Saya minta sila bawa kes ini ke mahkamah biar ditentukan yang peringkat pusat buat itu sah atau tidak, kalau sah di sana (pusat), sahlah di sini (negeri). Saya pun nak tahu juga, kerana ada orang kata sah dan ada kata tak sah...serabut juga...peringkat pusat lulus, kenapa peringkat negeri Kelantan tak lulus," katanya kepada pemberita di pejabatnya di sini, hari ini.

Nik Aziz berkata demikian sebagai mengulas kenyataan anggota Parlimen Gua Musang Tengku Razaleigh semalam bahawa Umno sedia bersemuka dengan sesiapa sahaja bagi membincangkan isu pindaan Undang-Undang Tubuh Negeri Kelantan yang kini semakin menjadi persoalan penting di negeri ini.

Pindaan Undang-Undang Tubuh Negeri Kelantan bagi mengehadkan kuasa Sultan, diluluskan oleh persidangan Dewan Undangan Negeri Kelantan pada 25 Jun lepas dan kini hangat diperkatakan kerana belum ditandatangani Sultan Kelantan.

Beliau berkata PAS tidak akan berbincang lagi soal pindaan itu dengan Umno kerana masa untuk berbincang telah habis.

Katanya dua wakil rakyat Barisan Nasional telah berpeluang membahaskan cadangan pindaan itu ketika dibentangkan di dalam Dewan Undangan Negeri, bagaimanapun mereka tidak mengambil bahagian sebaliknya berdemonstrasi di luar dewan.

Sementara itu, ditanya mengenai pengisytiharan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam bahawa Malaysia adalah negara Islam, Mursyidul Am PAS itu berkata bagi PAS, pemerintahan yang berasaskan Al Quran dan Hadis adalah negara Islam.

Mengulas kenyataan Duta Afghanistan ke Malaysia Abdul Sattar Murad bahawa beberapa kumpulan pelajar Malaysia di Pakistan menerima latihan ketenteraan dari Taliban, Nik Aziz berkata: "Mereka pergi tolong rakyat Afghanistan melawan Russia".

"Apabila rakyat Afghanistan berbalah sesama sendiri - Taliban dengan Rabbani - orang itu (mereka) balik (ke tanah air)," katanya.

Ini memandangkan, katanya, kumpulan pelajar itu tidak mahu campurtangan dalam perbalahan sesama sendiri kerana tanggungjawab mereka ialah menolong rakyat Afghanistan ketika diserang Russia.

-- BERNAMA

BD RON